

Oleh Mohd Zaini Othman
bhvarsiti@bh.com.my

► Nilai

Pelajar Tamhidi Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Putri Nur Nadia Bakri, 18, mengharumkan nama negara apabila muncul johan dalam Majlis Musabaqah Menghafaz Al-Quran Beserta Pemahamannya Peringkat Negara Anggota Menteri-Menteri Agama Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura. (MABIMS)1436H.

Dalam pertandingan yang berlangsung di Berakas, Brunei itu, Putri Nur Nadia berjaya membawa pulang wang tunai Dolar Brunei 4,000 (RM11,190.95), piala dan sijil penghargaan, setelah mengungguli kategori Menghafaz Juzuk 10 Al-Quran serta Pemahaman Juzuk Tujuh.

Seramai lapan peserta terdiri daripada empat lelaki dan empat perempuan daripada negara-negara MABIMS iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura menyertai pertandingan kali ini.

Dua kategori

Dibahagikan kepada dua kategori iaitu Menghafaz Juzuk 10 Al-Quran serta Pemahaman Juzuk Tujuh dan Menghafaz Juzuk 30 serta Pemahaman Juzuk 20 yang turut diungguli wakil Malaysia, Fariah Zulkifli, pelajar Darul Quran JAKIM.

Putri Nur Nadia yang ditemui kembalinya ke Malaysia mengucapkan rasa syukur atas kemenangan tersebut walaupun mendapat saingan hebat peserta lain.

"Ini merupakan kali pertama saya mewakili Malaysia untuk pertandingan hafazan antara-bangsa dan berasa amat gembira

Pelajar Tamhidi USIM

harumkan nama negara

Putri Nur Nadia (dua dari kanan) dan Fariah (tengah) bergambar bersama-sama delegasi Malaysia ke Brunei selepas majlis penyampaian hadiah.



» Seramai lapan peserta terdiri daripada empat lelaki dan empat perempuan daripada negara-negara MABIMS iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura menyertai pertandingan kali ini.

ra kerana berpeluang mengharumkan nama negara.

Konsisten dan ikhlas

"Terima kasih kepada ibu dan bapa yang banyak membantu saya menjalani latihan hafazan," katanya yang sebelum ini menjuarai Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-36 dalam kategori 1-20 Juzuk pada Mac lalu.

Putri Nur Nadia mula menghafaz 30 Juzuk al-Quran ketika berada di Tingkatan Satu Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi Istana Bandar, Jugra, Selangor.

Beliau turut berkongsi petua mudah iaitu sentiasa konsisten mengulang hafazan dan ikhlaskan hati ketika membaca al-Quran selain mengelakkan makanan berunsur syubhah.